

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(VII)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PANTAI JEREJAK
YB. DATO SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL**

27. Hospital kerajaan di daerah Barat Daya terletak di Balik Pulau dan ianya jauh dari kepadatan penduduk di Bayan Baru dan Bayan Lepas.
- (a) Bagaimanakah syor Kerajaan Negeri untuk permohonan hospital baru di Bayan Baru?

**YB. DR. AFIF BIN BAHARDIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

27. Setakat ini, tiada sebarang cadangan untuk pembinaan hospital kerajaan di Bayan Baru atau Bayan Lepas. Sebaliknya Klinik Kesihatan / Hospital yang terdekat dengan Hospital Balik Pulau seperti berikut boleh dimanfaatkan oleh penduduk daerah ini.

Klinik Teluk Bahang – 21.0 km

Klinik Bayan Baru – 14.3 km

Klinik Bayan Lepas – 16.0 km

Hospital Pulau Pinang – 25.0 km

Hospital Pantai (Swasta) – 14.5 km

Tambahan lagi, projek naik taraf Jabatan Kecemasan, Jabatan Forensik dan Patologi, Hospital Balik Pulau sedang dilaksanakan

di mana kerja-kerja awalan telah dimulakan pada 13 April 2018 dan dijangka siap pada 2021. Pihak Jabatan Kesihatan juga telah mengemukakan permohonan projek parkir bertingkat di Hospital Balik Pulau di bawah Rancangan Malaysia Ke-11.